

**21/10/2015 - Majlis Makan Malam Kadet Ptd Bil. 2/2014 (Novas) Bersama Ksn**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara Mohd Hairil Faiz dan Saudari Noorizanum selaku Pengacara Majlis pada malam ini,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia,

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli Bin Mohd Zin

Panglima Angkatan Tentera,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

**YBhg. Dato' Jalil bin Marzuki**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

**YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

**YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff**

Pengarah INTAN

**Saudara Mohd Ezmeer bin Hisan**

Penghulu Kadet NOVAS

**Saudara Amar Soufwan bin Morazuki**

selaku Pengarah Projek malam ini

Pegawai-pegawai Kanan JPA dan INTAN. Wakil agensi-agensi Kerajaan dan rakan-rakan strategik INTAN dan seterusnya, saudara dan saudari para peserta Kursus Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Bil. 2/2014 yang dihormati sekalian.

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk berhimpun di Majlis Makan Malam yang **bertemakan NOVAS, Letusan Bintang Menyinari Galaksi.**
2. Saya difahamkan, majlis makan malam ini disertai oleh **93 orang peserta** Kursus Kadet PTD yang menggelar diri mereka sebagai **kadet NOVAS.** Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada saudara dan saudari sekalian kerana telah berjaya mengharungi perjalanan kursus untuk tempoh satu tahun **mulai 26 Oktober 2014** yang lalu. Atas semangat dan iltizam yang diberikan syabas dan tahniah saya ucapkan.
3. Saya turut memanjangkan ucapan terima kasih kepada pihak INTAN atas penganjuran majlis makan malam ini dan memberikan saya kesempatan untuk beramah mesra bersama-sama barisan bakal PTD muda yang insya-Allah akan menyertai perkhidmatan Awam dalam tempoh terdekat ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sebagaimana kita semua sedari, dalam era globalisasi yang mendasari gelombang perubahan masa kini, aspek **daya saing dan kompetatif** menjadi pemacu utama pembangunan sesebuah negara dalam mencapai kejayaan. Daya saing telah menjadi kayu pengukur prestasi dan pencapaian ke atas pelbagai dimensi pembangunan sesebuah negara. Namun, dalam mengharungi dunia yang penuh cabaran dan ketidakpastian ini, Malaysia senantiasa mengambil inisiatif dan membuat **langkah perancangan yang proaktif** dari semasa ke semasa.
5. Langkah ini dapat dilihat berdasarkan kepada **laporan Daya Saing Global (GCR) 2015-2016** yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) di mana Malaysia telah memperbaiki kedudukannya **ke tangga 18** daripada 140 buah negara berbanding **tempat ke-20** pada tahun

sebelumnya yang merupakan pencapaian tertinggi sejak tahun 2005. Pencapaian ini mengekalkan **Malaysia sebagai negara ke-6 paling berdaya saing** dalam kalangan negara Asia Pasifik dan kedua paling berdaya saing di peringkat ASEAN selepas Singapura.

6. Laporan itu juga meletakkan Malaysia dalam senarai teratas dalam kalangan 20 negara di peringkat transisi daripada sebuah ekonomi berasaskan kecekapan **kepada ekonomi berasaskan inovasi**. Dalam konteks ini, saudara dan saudari perlu sentiasa peka terhadap senario persaingan yang wujud dan setiap perubahan tahap mahupun pembangunan kompetensi dalam dunia globalisasi pada masa kini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Jika kita memperhalusi dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), penekanan yang diberi fokus atau **titik sentuh utama** adalah memastikan kemampunan **perkhidmatan awam** lebih berorientasikan **perkhidmatan berpaksikan rakyat, pengukuhan daya tahan ekonomi makro** dan juga **transformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti**.

8. RMK-11 juga memfokuskan kepada **Enam Strategi Tumpuan** iaitu Inklusiviti, Kesejahteraan Rakyat, Modal Insan, Pertumbuhan Hijau, Infrastruktur dan Inovasi dan Produktiviti. Enam Strategi Tumpuan RMK-11 ini akan dibantu oleh faktor-faktor pemangkin bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

9. Oleh yang demikian, sebagai seorang PTD muda, adalah menjadi tanggungjawab saudara dan saudari sekalian untuk **memahami intipati kandungan RMK-11** ini agar dapat memahami hala tuju dan langkah pembangunan negara. Perihal ini adalah penting dalam memastikan fokus dan sasaran kemajuan negara tidak tersasar dengan pelbagai ancaman atau anasir-anasir yang mampu mengganggu-gugat **kestabilan** dan kemajuan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Bajet 2016 akan dibentangkan di Parlimen oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita pada 23 Oktober 2015 ini. Fokus utama bajet ini adalah

**memperkuh pertumbuhan, memperluas keterangkuman** dan **memastikan kemampanan fiskal**. Bajet 2016 juga merupakan bajet pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) di mana ia merupakan salah satu aspek yang penting dan kritikal dalam membawa haluan negara ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

11. Adalah menjadi harapan saya agar saudara dan saudari sekalian untuk terus menyokong dan menggembelng tenaga dalam merealisasikan segala inisiatif di dalam Bajet 2016 dapat dijayakan demi kesinambungan dan kemajuan negara.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

12. Saya yakin, saudara dan saudari bersetuju dengan saya bahawa untuk kekal berdaya saing dalam dunia kerjaya pada hari ini, khususnya di dalam perkhidmatan awam, sebagai seorang PTD, saudara dan saudari perlu memiliki **kompetensi dalam kepimpinan** yakni kepimpinan unggul. Antara ciri-ciri kemahiran dan kompetensi **kepimpinan unggul**, yang boleh saya kongsikan di sini ialah, seseorang pemimpin itu adalah mereka yang bukan hanya memiliki wawasan, misi dan berpandangan jauh, malah berupaya untuk **mempengaruhi** dan **menginspirasikan orang lain** sebagai satu **pasukan yang kuat** untuk bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan visi dan misi organisasi tersebut.

13. Pemimpin tersebut juga perlu bersikap berani untuk mendepani risiko, berfikiran kritis dan strategik serta mampu **meneraju perubahan dan menjana transformasi**. Selain itu juga, antara atribut penting seorang pemimpin yang berjaya ialah kemampuan mereka dalam **mencipta pemimpin-pemimpin yang lain**. Sudah pasti, saudara dan saudari tentunya telah melalui pelbagai program dan latihan kepimpinan semasa berkursus di INTAN. Namun, sebagai bakal PTD Muda yang akan berkhidmat tidak lama lagi, tiba masanya segala ilmu dan latihan yang ditimba itu dipraktikkan sebaik mungkin.

14. Saya juga ingin menyarankan saudara dan saudari untuk terus bergiat aktif dengan pelbagai **aktiviti kemasyarakatan atau berpersatuan** dalam mengarap pembangunan kompetensi diri secara berterusan.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

15. Sikap sentiasa berusaha untuk **meningkatkan ilmu dan kemahiran diri perlu dibudayakan** dalam kehidupan setiap warga profesional muda. Ini dapat dilihat dengan perkembangan ilmu dan pengetahuan dalam segenap bidang yang begitu pesat pada hari ini, telah menyebabkan dunia kerjaya dan profesional turut berkembang pesat. Menyentuh mengenai kepesatan dan perubahan ke arah globalisasi, **penguasaan lebih daripada satu bahasa amat penting** bagi memastikan kita tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat dan kemahiran dalam sesuatu bidang.

16. Saudara dan saudari kini tidak lagi boleh bergantung kepada bahasa ibunda semata-mata malah perlu mempunyai **kemahiran untuk berkomunikasi** dengan baik **dalam bahasa yang lain** seperti Bahasa Inggeris. Ini adalah kerana, seorang penjawat awam yang cemerlang seharusnya berupaya untuk menguasai pelbagai bahasa khususnya Bahasa Inggeris agar tidak ketinggalan dalam mengejar kemajuan di peringkat global.

17. Turut menjadi teras yang paling penting dalam pengukuhan kecemerlangan individu pada hari ini ialah **penghayatan nilai integriti yang tinggi**. Ilmu dan profesionalisma, tanpa adanya nilai dan budaya integriti, tentunya tidak akan menjamin pembangunan yang makmur dan sejahtera kepada negara kita.

18. **Budaya rasuah**, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, berpecah belah, bersikap perkauman dan lain-lain sikap negatif yang **bercanggah dengan budaya berintegriti**, mestilah dikikis dari hidup kita. Jagalah diri kita agar **tidak mudah terpengaruh** daripada sebarang anasir-anasir yang negatif dan tidak tepat khususnya di **medan media sosial** yang boleh merosakkan masa depan dan nama baik kita sendiri, keluarga dan warga perkhidmatan awam.

19. Saya dan barisan kepimpinan yang hadir pada malam ini percaya dan yakin, saudara dan saudari di dalam dewan ini merupakan generasi muda yang telah terdidik minda, mempunyai ketahanan emosi dan daya fikir yang tinggi, membudayakan nilai akhlak terpuji serta

mementingkan sifat jati diri yang kukuh. Kehadiran saudara dan saudari di dalam persada perkhidmatan awam akan memberikan seribu harapan kepada kami semua agar sistem penyampaian perkhidmatan awam pada masa akan datang dapat diterajui dan diteruskan dengan penuh berintegriti, amanah dan bertanggungjawab.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Saya telah difahamkan kadet NOVAS merupakan **kumpulan terakhir** yang mengikuti program **Diploma Pascasiswazah Pentadbiran Awam (DPPA) UM dan Diploma Pengurusan Awam (DPA) INTAN** yang bakal berakhir pada **30 Oktober 2015** ini. Untuk makluman semua, mulai Mei 2015 Program DPA INTAN telah dijenamakan semula kepada Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam INTAN dan dilaksanakan sepenuhnya oleh tenaga pengajar INTAN. Pada masa yang sama DPA INTAN ini telah melakar sejarah baharu dengan memperoleh akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

21. Adalah diharapkan agar saudara-saudari yang berada di sini menghargai dan mensyukuri peluang yang diberikan kerana anda adalah permata yang terpilih daripada seramai lebih kurang 80,000 orang yang telah memohon untuk menyertai skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun lepas. Sesungguhnya saudara dan saudari merupakan intan yang terpilih dalam menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang dan semoga harapan ini dapat direalisasikan dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas khususnya kepada peserta kursus kadet Bil 2/2104 dan juga ucapan terima kasih kepada INTAN serta rakan kolaborasi INTAN yang saban tahun melatih, mendidik dan membentuk PTD-PTD Muda dengan penuh dedikasi melalui kursus DPA.

23. Akhir kata, kepada semua kadet NOVAS **Selamat Maju Jaya** diucapkan dan semoga saudara dan saudari sekalian akan dapat berkhidmat dengan cemerlang tidak kira di mana sahaja anda berada. **Selamat Berkhidmat** dan NOVAS: Letusan Bintang Menyinari Galaksi !.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2029>